

# Perancis akan hantar misi dagang

PARIS, Ahad — Menteri Perusahaan Perancis, Encik Andre Giraud mencajangkan supaya satu rombongan pengusaha-pengusaha Perancis melawat Malaysia untuk meninjau peluang-peluang pelaburan di sana.

Beliau membuat cadangan itu kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu perbincangan sejam di pejabatnya di sini semalam.

Encik Giraud juga memberitahu Dato Seri Dr. Mahathir beliau akan menjadi penaung rombongan yang akan melawat Malaysia itu

dan Timbalan Perdana Menteri mengalu-alukannya.

Selepas pertemuan itu, Timbalan Perdana Menteri memberitahu pemberita, Encik Giraud telah menyatakan hasrat untuk memperbanyakkan lagi dagangan di antara ke dua negara dan beliau menyokong pelaburan Perancis di Malaysia.

"Beliau juga meninjau berbagai kawasan di mana lebih banyak lagi penglibatan Perancis seperti perlombongan termasuk perlombongan di tengah laut, perusahaan petrolium dan gas cecair asli," katanya.

## Imbangan

Timbalan Perdana Menteri berkata Menteri Perancis juga ingin melihat imbangan dagangan yang lebih baik antara kedua buah negara.

Perdagangan antara ke dua negara adalah lebih menguntungkan Malaysia \$100 juta setahun, walaupun Perancis mendakwa jumlah dagangan \$300 juta setahun bagi pihak Malaysia.

Mengenai sambutan rombongan pelaburan yang diketuainya oleh para pengusaha Perancis, Dato Seri Dr. Mahathir berkata ia adalah 'adil' dengan beberapa 'cadangan tertentu yang boleh terus dikaji'.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, (FIDA) jangka pelaburan Perancis adalah dalam bidang pembuatan aluminium, getah dan hasil-hasil kelapa sawit.

## Terpenting

Rombongan menggalak pelaburan Malaysia berlepas ke Copenhagen hari ini dalam rangka lawatan terakhirnya ke empat negara Eropah Barat.

Lawatan ke Copenhagen ini adalah berlainan dari segi beberapa bidang dari negara-negara yang telah dilawati — Birmingham, Frankfurt dan Paris.

Inilah kali pertama ahli-ahli rombongan akan menemui pengusaha dari empat negara Scandinavia iaitu Denmark, Norway, Sweden dan Finland.

Dato Seri Dr. Mahathir juga dijangka melawat Ibunegeri Denmark sebagai tetamu rasmi Kerajaan Denmark.

Penghormatan itu disifatkan di sini sebagai mencerminkan Negara Scandinavia telah menghormati Malaysia khususnya dan Negara-negara ASEAN amnya.